

144 mangsa terpaksa dipindahkan di lima pusat pemindahan Dungun

Pantai Timur mula dilanda banjir



Banjir

DUNGUN – Seramai 144 mangsa banjir melibatkan 26 keluarga dari lima buah kampung di daerah ini ditempatkan di tiga pusat penempatan sementara berikutan banjir yang mula melanda kawasan kediaman mereka pagi semalam.

Sehingga petang semalam, seramai 40 penduduk daripada tujuh keluarga yang tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Bukit Gedut, Pulau Serai dipindahkan kira-kira pukul 9 malam kelmarin. Mereka ditempatkan di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Serai di sini.

Seramai 34 mangsa melibatkan tujuh keluarga dari Kampung Tanjung Pagar pula dipindahkan ke balai raya kampung itu, manakala



SHAFUDIN MOHD NOR

MOHD. FARA MOHD ARIF (kanan) bersama **Mohd. Iskandar** (kiri) dan **Mohd. Amir Ridzuan Zawawi** menyelamatkan motosikal yang ditenggelami banjir di Kampung Alor Rekam, Pulau Serai, Dungun semalam.

Talian Kecemasan Banjir

Terengganu - 09-631 6021

Kelantan - 09-745 0999

kala tiga keluarga dari Kampung Seberang Pintasan dipindahkan ke Dewan Sivik Seberang Pintasan.

Sebahagian lagi mangsa banjir dipindahkan ke SK

Kampung Tok Kah dan balai raya Kampung Batu Tiong.

Ahli Parlimen Dungun, Datuk Matulidi Jusoh berkata, hujan lebat yang melanda daerah itu bermula pada pukul 6 pagi semalam menyebabkan lima kampung dilanda banjir.

“Bagi penduduk di kawasan PPRT Bukit Gedut, selain akibat hujan faktor ke-

diaman mereka yang berhampiran sungai Pimpin menyebabkan limpahan air sungai menenggelamkan kawasan rumah mereka,” katanya.

Matulidi berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah telah menyalurkan bantuan kepada mangsa banjir sebaik sahaja mereka dipindahkan ke pusat pemindahan.

Saksi bunga api dari Menara KL

KUALA LUMPUR – Orang ramai berpeluang menyaksikan kemeriahan pemandangan percikan bunga api di sekitar ibu kota dari Pelantar Pemandangan dan Pelantar Terbuka Menara Kuala Lumpur (Menara KL) sempena sambutan tahun baharu 2013 pada 31 Disember ini.

Menurut Pengurus Komunikasi Korporat Menara KL, Suhaily Sahad, sehubungan itu, waktu operasi Menara KL pada hari tersebut akan dilanjutkan hingga pukul 1 pagi bagi membolehkan warga kota menyaksikan kehangatan sambutan ambang tahun baru.

Menurutnya, para pengunjung boleh mendapatkan pakej istimewa kedua-dua pelantar berkenaan pada harga RM88 hingga RM249 seorang.

“Dengan pakej yang ditawarkan, mereka berpeluang menyaksikan keindahan bandar raya Kuala Lumpur pada waktu siang.

